Untitled

# unimastage

mempersembahkan

# Ruang Menanti



skrip & arahan

**Vanitha Abdul**

Pada

22 & 23 Sept. 2000

Masa : 8.31 malam

Di Panggung Eksperimen

**UNIMAS**

## BICARA PENERBIT DAN PENGARAH

Sesebuah produksi teater tidak dapat direalisasikan di atas pentas tanpa sokongan dari tenaga produksinya. Begitu juga keadaannya dengan RUANG MENANTI dimana tenaga produksinya terdiri dari pelajar-pelajar kursus Drama Dan Teater GKD1053 (TEATER RODUKSI I), manakala para pelakonnya terdiri dari ahli UNIMASTAGE. Pelajar kursus ini bukan sahaja dibekalkan dengan ilmu teori tetapi juga latihan secara amali bagaimana menyelenggara dan menjalankan tugas dengan berkesan supaya dapat memantapkan sesebuah produksi teater. Selain dari itu para pelajar juga terdedah kepada bentuk komunikasi berkesan dalam sesebuah organisasi supaya output maksima dapat dicapai sebelum, semasa dan selepas sesebuah pementasan teater.

Dari segi pengarahan saya ingin melahirkan RUANG MENANTI sebagai sebuah drama realisme dari aspek lakonan dan kostum, yang akan memudahkan penonton memahaminya secara visual, manakala setnya dipertontonkan dalam bentuk simbolik. Apa yang bakal mencabar intelektual penonton adalah plot dan isu yang diperkatakan dalam pementasan tersebut. Penonton harus mencerna secara intelektual, akan aspek visual yang terhidang di atas pentas dengan cerita yang ingin disampaikan dalam RUANG MENANTI. Dalam proses tontonan, minda penonton juga akan disaratkan dengan pelbagai persoalan tentang RUANG MENANTI yang harus dicari jawapannya. Penonton yang berjaya menyelesaikan persoalan-persoalan itulah yang akan mendapat kepuasan maksimum menonton RUANG MENANTI kelak.

Sebagai seorang pengarah drama, saya gemar mencabar dan bermain dengan minda penonton dari aspek mesej drama dan juga elemen artistik sesebuah produksi teater. Tujuan sebenar sesuatu pementasan seharusnya adalah mendidik penontonnya. Seseorang pengarah harus sentiasa mengerja dan menghasilkan produksinya berlandaskan tujuan ini. Sebagai penulis skrip dan pengarah RUANG MENANTI, saya cuba memenuhi tuntutan ini melalui mesej cerita, penataan cahaya, set dan juga konsep yang dikemukakan di atas pentas. Apa yang ingin saya capai sebagai pengarah dalam RUANG MENANTI ini adalah mengajak penonton saya BERFIKIR dan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang dilontarkan dalam pementasan ini.

## S I N O P S I S

Tempat: Di sebuah bilik yang jalan masuk dan keluarnya berfungsi apabila diiringi pengawal.

Masa : Tiada siang, tiada malam.Waktu dunia tidak bermakna.

Peraturan: Harus akur dengan apa yang telah ditentukan, peraturan kita tiada bermakna.

Watak : Sally seorang yang terpesong dari identiti dirinya yang sebenar

Pak Haji salah seorang penanti di RUANG MENANTI yang telah tiba gilirannya

Pengawal-pengawal bertanggungjawab menjaga RUANG MENANTI serta penghuninya.

Penghuni RUANG MENANTI menunggu sesuatu kecuali pengawalnya. Apakah yang dinantikan oleh mereka dan apa pula yang mereka lakukan sementara menjalani penantian tersebut? Sama-sama kita mencari jawapan kepada persoalan tersebut dalam RUANG MENANTI.

## BARISAN PELAKON

Sally Azahan Abdul Rani

Ketua Pengawal Mohd Yusof

Pengawal I Ahmad Sabri

Pengawal II Kadizah Alimun

Penampilan Khas

Pak Haji Riezal Dim

## TENAGA PRODUKSI

Penerbit : Nur Afifah Vanitha Abdullah

Pengarah : Vanitha Abdul

Pengurus Produksi : Kaddyran

Pen. Pengurus Produksi: Kadizah Halimun

Pengurus Pentas : Dewi Rozaria

Penasihat Set : En Shamsu Mohammad

Krew Set : Manaf Mohd Nor Yunus Aslinda Noni Linda

Rohana Noormasrienhan & Azizi

Penasihat Musik : En Hafiz Ashkiak

Krew Musik : Murad bin Bolek

Wong Ping Ping

Pereka Kostum & makeup : Azreen

Krew Kostum : Hamidah & Nilam Bosari

Penataan Cahaya : Wan Faisal

Publisiti : Ketua Mohd Hasni Wong Neng Lee & Suhaimi


Sekalung Ucapan Terima Kasih

kepada

Universiti Malaysia Sarawak
Dekan Staf Akademik dan Staf Sokongan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Unimastage dan RTM Sarawak.

Serta semua yang terlibat secara lang sung atau tidak dalam menjayakan produksi ini.